

01/02/1999

MB bidas demonstrasi kenaikan tol

KUALA PILAH, Ahad - Kerajaan negeri membidas sesetengah pihak, terutama parti pembangkang yang menghasut orang ramai supaya mengadakan demonstrasi di pusat kutipan tol utama seluruh negara menentang kenaikan tol.

Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, berkata tindakan DAP dan Pas serta badan bukan kerajaan (NGO) sengaja mengambil kesempatan daripada keputusan kerajaan menaikkan kadar tol untuk kepentingan politik.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan kolam ikan dan bengkel membaik pulih kenderaan bermotor Persatuan Belia Perdana Kampung Tengkek, dekat sini, hari ini beliau berkata:

"Kerajaan tidak hairan jika golongan seperti itu mempolitikkan isu berkenaan kerana mereka tidak ada perkara lain untuk menarik perhatian orang ramai."

"Pihak berkuasa memang menyedari kumpulan itu tetap mengambil kesempatan daripada masalah yang dihadapi orang ramai berikutan sesuatu perkara yang hendak dilaksanakan."

Beliau mengulas tindakan kumpulan tertentu mengadakan demonstrasi di pusat kutipan tol di sekitar kawasan masuk Lebuhraya Utara-Selatan di sini dan Senawang pagi tadi.

Menurut polis, kira-kira 100 orang, termasuk penyokong dua parti pembangkang, berhimpun kira-kira setengah jam di kedua-dua kawasan berkenaan dengan membawa sepanduk menentang kenaikan tol.

Di Ipoh semalam, Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata tindakan kumpulan itu mengadakan demonstrasi semata-mata untuk meraih populariti dalam politik.

Beliau menyifatkan, tindakan itu juga tidak akan memberi sumbangan positif dan sebagai sebuah negara demokrasi, kerajaan tidak menghalang mereka mengadakan tunjuk perasaan seperti itu.

Menteri Besar, berkata orang ramai atau pemandu yang sering menggunakan jalan bertol tidak seharusnya terpengaruh dengan tindakan mereka yang mempunyai kepentingan politik.

"Mereka mempunyai pelbagai saluran untuk menyampaikan masalah dihadapi dan sebelum ini pun, kerajaan sudah mengkaji dengan teliti segala pandangan berhubung isu kenaikan tol."

"Seperti diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad beberapa hari lalu, kerajaan bersetuju menurunkan kadar tol Puchong-Damansara 50 sen berbanding RM1.50 ketika syarikat terbabit memulakan kutipan tol," katanya.

Mohd Isa berkata, rakyat harus sedar kerajaan membelanjakan begitu banyak wang sebagai bayaran pampasan kepada syarikat konsesi yang menyelenggarakan lebuhraya seluruh negara apabila permohonan mereka menaikkan kadar tol mengikut perjanjian, tidak diluluskan.

Katanya, jika ini berterusan sudah tentulah ia membebankan kerajaan dan kenaikan yang diumumkan kerajaan beberapa hari lalu sebanyak 0.75 sen sekilometer bagi Lebuhraya Utara-Selatan adalah munasabah, berkurangan daripada jumlah yang dipohon syarikat konsesi.

"Pihak berkenaan memohon kenaikan itu kerana kos menguruskan lebuhraya semakin meningkat dan sebarang kenaikan yang dipohon itu selaras perjanjian yang dibuat kecuali selepas mendapat kelulusan kerajaan," katanya.

(END)